

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK RAIME BIN UNGGI
[TENOM- BN]**

TARIKH : 18 MEI 2016 (RABU)

SOALAN (NO. 17)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan perancangan atau langkah-langkah yang bakal atau sedang diambil bagi mengatasi masalah kemerosotan sukan bola sepak Malaysia.

SULIT**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Tugas untuk membangunkan sukan bola sepak adalah di bawah tanggungjawab Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM). Walau bagaimanapun, Kerajaan melalui Kementerian Belia dan Sukan (KBS) membantu dalam aspek kewangan bagi meningkatkan lagi keberkesanan program pembangunan bola sepak negara.
2. KBS telah menyediakan Pelan Pembangunan Bola Sepak Negara (PPBN) pada bulan April 2014 yang dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia. Program ini telahpun diangkat sebagai projek nasional dan ianya merupakan pelan strategik jangka panjang bagi mencungkil serta menggilap bakat-bakat muda yang berumur di antara 7 hingga 17 tahun ke arah melahirkan wira bola sepak negara dan memartabatkan pasukan kebangsaan satu hari nanti.
3. Pelan Pembangunan Bola Sepak Negara (PPBN) ini juga akan memastikan pembangunan pemain, kejurulatihan, kemudahan dan pertandingan dilaksanakan secara sistematik dan berterusan di peringkat akar umbi. PPBN telah dirangka dengan berpaksikan kepada 5 teras strategik iaitu DNA Bola Sepak Negara, Pencarian Bakat yang lebih tersusun, Pembangunan Kejurulatihan, Penyediaan Kemudahan Latihan dan Penstrukturkan Semula Pertandingan.

Sekian, terima kasih.